

U B287 DEB
NEGARA - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 APRIL (BERNAMA) -- SATU PENDEKATAN PADA SEGI POLITIK SEDANG DIUSAHAKAN KE ARAH MENGEMBALIKAN PERPADUAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DI DEWAN NEGARA HARI INI.

SELAIN ITU MUZAKARAH KHAS MAJLIS SYURA JUGA AKAN DIADAKAN UNTUK MEMBINCANGKAN MASALAH PERPADUAN UMMAH DAN TOKOH-TOKOH POLITIK, ULAMA-ULAMA DAN WAKIL-WAKIL PERSATUAN TELAH DIJEMPUT UNTUK MENYERTAINYA, KATANYA SEMASA MENJAWAB SOALAN SENATOR MOHD YUSOFF KASSIM DI DEWAN NEGARA.

SENATOR MOHD YUSOFF BERTANYAKAN SEJAUH MANA KESAN PERPECAHAN TELAH BERLAKU AKIBAT FAHAMAN ATAU IDELOGI POLITIK YANG BERLAINAN DI KALANGAN UMAT ISLAM DAN LANGKAH-LANGKAH POSITIF YANG TELAH DIAMBIL BAGI MENYATUPADUKAN UMAT ISLAM KESELURUHANNYA.

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA, LANGKAH LAIN YANG TELAH DIAMBIL UNTUK MENYATUPADUKAN UMAT ISLAM IALAH DENGAN MEMBERI KESEDARAN KEPADA RAKYAT TERUTAMA MASYARAKAT ISLAM TERHADAP PELBAGAI CARA PERPECAHAN YANG BERLAKU SERTA KESAN BURUKNYA.

+TANPA KESEDARAN YANG BEGINI USAHA YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN UNTUK MENGEMBALIKAN PERPADUAN TIDAK AKAN BERJAYA,+ TEGASNYA. -- LAGI
1642MST 15 04 86

D853

U B291 DEB
NEGARA - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DI SAMPING ITU, KATA PERDANA MENTERI, LANGKAH MENGGIATKAN AKTIVITI DAKWAH UNTUK MEMBERI KEFAHAMAN KEAGAMAAN KEPADA MASYARAKAT ISLAM JUGA DILAKUKAN SUPAYA MEREKA DAPAT MENOLAK AJARAN ATAU DAKWAH YANG BOLEH MEMBAWA KEPADA PERPECAHAN UMMAH.

MENURUTNYA, SEBUAH JAWATANKUASA YANG DINAMAI JAWATANKUASA UKHUWAH ISLAMIAH JUGA TELAH DITUBUHKAN PADA PERINGKAT KEBANGSAAN BERTUJUAN Mencari JALAN MENYELESAIKAN PERPECAHAN DI KALANGAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KESAN-KESAN BURUK AKIBAT PERPECAHAN UMAT ISLAM IALAH:

- +MENYULITKAN PENCAPAIAN PERPADUAN NASIONAL,
- +MENJEJASKAN KELICINAN USAHA KE ARAH KEJAYAAN RANCANGAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT LUAR BANDAR=
- +MELEMAHKAN MASYARAKAT ISLAM DI NEGARA INI PADA SEGI PENGUSAHAAN ILMU, EKONOMI DAN POLITIK= DAN
- +MENJEJASKAN USAHA DAKWAH ISLAMIAH.

MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN SENATOR HAJI SHAHROM MATSOM, KATANYA, AGAK SUKAR UNTUK MEMBUAT PENILAIAN MENGENAI KESAN MAJLIS MUZAKARAH YANG DIADAKAN BARU-BARU INI. -- LAGI
1704MST 15 04 86

D858

U B296 DEB
NEGARA - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, KATANYA, IA DAPAT MENDEKATKAN MEREKA YANG NAMPAKNYA MEMPUNYAI PENDAPAT BERLAINAN, MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA YANG MENJADI MASALAH KEPADA MASYARAKAT ISLAM.

SEAMSA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN SENATOR ABDUL WAHAB ABU BAKAR PULA, PERDANA MENTERI BERKATA, TIADA KESAN YANG JELAS YANG MENUNJUNKKAN KUASA ASING MEMPENGARUHI BIBIT PERPECAHAN ITU.

BAGAIMANAPUN, TERDAPAT BUKTI IAITU APA YANG BERLAKU DI LUAR NEGERI TELAH MENJADI DORONGAN KEPADA SEKUMPULAN RAKYAT DI NEGARA INI, TEGASNYA. -- BERNAMA
1712MST 15 04 86